
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

ZKT 321/3 - Jurutera Dalam Masyarakat

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **LIMA** soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Etika profesional merupakan salah satu alat kawalan sosial terhadap golongan profesional bagi mengawal dan menilai perilaku mereka. Bincangkan peranan etika profesional dalam pembangunan Negara. Bagaimanakah kebaikan nilai etika profesional ini dapat menyumbang kearah kesejahteraan masyarakat? Berikan satu contoh kes tersebut. (40/100)
- (b) Seorang jurutera didesak oleh seorang pemaju perumahan untuk meluluskan Sijil Layak Menduduki (OC) bagi projek perumahan yang telah beliau siapkan. Hasil siasatan mendapati banyak spesifikasi projek tersebut tidak dipatuhi dan mungkin menjelaskan keselamatan rumah-rumah yang didirikan. Pemaju berkenaan juga merupakan bapa mertua kepada jurutera tersebut. Patutkah jurutera tersebut meluluskan Sijil Layak Menduduki? Beri sebab-sebab yang menyokong keputusan anda. (30/100)
- (c) Bincangkan nilai-nilai utama yang perlu dimiliki oleh seorang ahli profesional. (30/100)
2. (a) Senarai dan terangkan setiap satu fungsi yang ada dalam pengurusan. (20/100)
- (b) Nyatakan jenis-jenis pengurus yang wujud dalam organisasi serta peranan mereka. (20/100)
- (c) Julia Jais memulakan perniagaan dengan menuhuhan firma perundingan Cepat Wawasan Sdn. Bhd. Berikut adalah aset dan liabiliti firma tersebut sehingga 30 Disember 2003.

	<u>RM</u>
Tunai	68,920
Akaun Belum Terima	14,280
Bekalan Kedai	1,000
Insuran Belum Tamat Tempoh	3,000
Tanah	295,000
Bangunan	120,000
Susut Nilai Terkumpul: Bangunan	6,500
Peralatan	63,000
Susut Nilai Terkumpul: Peralatan	13,300
Akaun Belum Bayar	1,660

	<u>RM</u>
Nota Belum Bayar	80,000
Gaji dan Upah Belum Bayar	3,640
Cukai Pendapatan Belum Bayar	11,900
Faedah Belum Bayar	1,200
Hasil Sewa Belum Terperoleh	4,000
Modal Saham	400,000
Pendapatan Tertahan	43,000

Dikehendaki:

Menyediakan Kunci Kira-Kira yang berakhir pada 31 Disember 2003.

(60/100)

3. (a) Nyatakan proses-proses perancangan yang perlu diikuti dalam sesebuah organisasi. (20/100)
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan MBO (*Management By Objective*) dan nyatakan langkah-langkah yang terlibat pada MBO. (40/100)
- (c) Syarikat Perkhidmatan Mesra menjalankan perniagaan dobi dikawasan Bayan Lepas. Berikut adalah pendapatan dan perbelanjaan bagi bulan Disember.

	<u>RM</u>
Hasil Perkhidmatan	401,200
Hasil Sewa Terperoleh	2,000
Pengiklanan	5,950
Gaji dan Upah	208,950
Bekalan	10,600
Susut Nilai: Bangunan	6,000
Susut Nilai: Peralatan	12,300
Utiliti	16,800
Insurans	15,000
Faedah	6,600
Cukai Pendapatan	48,400

Dikehendaki:

Menyediakan Penyata Pendapatan bagi 31 Disember 2003.

(40/100)

4. Kerajaan Malaysia telah mengumumkan dalam Belanjawan Tahun 2002 bahawa satu syarikat yang dikenali sebagai Syarikat Perumahan Negara akan ditubuhkan dengan tujuan membina 20000 buah rumah kos rendah dan kos sederhana dalam jangkamasa lima (5) tahun. Dengan tujuan ini satu memorandum persefahaman telah ditandatangani di antara kerajaan Malaysia dan kerajaan India di mana kerajaan India akan memberi kemudahan kepada kerajaan untuk membina rumah-rumah ini dengan menggunakan satu bahan baru yang murah tetapi tahan lama serta mudah dikeluarkan. Untuk mengguna bahan ini Syarikat Perumahan Negara perlu menandatangani satu perjanjian dengan sebuah syarikat di India yang dinamakan Readymix Concrete Materials Ltd. Kontrak ini di antara lain menetapkan bahawa semua bahan-bahan untuk pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana akan dibekalkan oleh Readymix Concrete Materials Ltd dan juga kepada kerajaan dan perincian untuk mengeluarkan bahan tersebut akan diturunkan kepada orang-orang tertentu yang dinamakan oleh Syarikat Perumahan Negara. Syarat juga dikenakan oleh Syarikat Readymix Concrete Materials Ltd bahawa pengetahuan yang diturunkan tidak boleh didedahkan kepada pihak lain atau digunakan untuk tujuan lain daripada yang dimaksudkan. Syarikat Perumahan Negara telah melantik Maya Sdn. Bhd. sebagai agen untuk pembinaan rumah tersebut. Dalam surat perlantikan Maya Sdn. Bhd. syarat ditetapkan bahawa sebanyak 10000 buah rumah perlu dibina dalam 2 tahun dan semua pengetahuan berkenaan bahan binaan yang digunakan tidak boleh didedahkan kepada pihak ketiga atau digunakan untuk tujuan selain daripada pembinaan rumah-rumah tersebut. Bayaran untuk pembinaan rumah-rumah ini akan dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut kemajuan pembinaan.

Dalam usaha membina rumah-rumah ini dengan cepat Syarikat Maya Sdn Bhd telah mengenepikan beberapa aspek keselamatan dan kesihatan. Syarikat Maya Sdn Bhd juga telah mengupah beberapa pekerja asing untuk melakukan kerja-kerja pembinaan.

Setelah kerja-kerja pembinaan telah berjalan untuk 4 bulan, pengurus Syarikat Copycon telah berjumpa dengan pengurus Syarikat Maya dan menyatakan kepadanya bahawa Syarikat Copycon terharu dengan konsep pembinaan Syarikat Maya. Pengurus Syarikat CopyCon juga memberitahu sejumlah wang akan dibayar kepada Syarikat Maya jika Syarikat Maya dapat mendedahkan kepada mereka rahsia/rumusan bahan-bahan yang digunakan. Dengan serta merta Syarikat Maya telah memberitahu semua rahsia berkenaan bahan-bahan yang digunakan. Sebagai balasan Syarikat Maya dibayar RM10 juta.

Sepuluh bulan selepas rumah-rumah ini siap dibina, penghuninya telah melaporkan kepada Syarikat Perumahan Negara bahawa muncul beberapa keretakan pada dinding dan lantai rumah. Syarikat Perumahan Negara tidak langsung peduli tentang laporan ini. Dua bulan kemudian, 2 buah rumah telah tiba-tiba runtuh mengakibatkan beberapa penghuninya cedera parah dan dimasukkan ke hospital.

Merujuk kepada senario yang diberikan dan dari perspektif perundangan, sila jawab soalan-soalan di bawah berserta sebab-sebab dan rasionalnya kepada setiap persoalan.

- (a) bolehkah anda menggariskan secara ringkas proses yang terlibat dalam mewujudkan satu kontrak? Anda perlu mengguna peruntukan Akta Kontrak 1950 di mana sesuai
(24/100)
- (b) berdasarkan kontrak, bolehkah Syarikat Readymix Concrete Ltd mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap Syarikat Perumahan Negara kerana Syarikat Maya Sdn. Bhd telah mendedahkan rahsia bahan-bahan yang digunakan dalam pembinaan
(24/100)
- (c) apakah tanggungjawab seorang agen kepada prinsipalnya? Bolehkah Syarikat Perumahan Negara menuntut RM10 juta yang dibayar oleh CopyCon kepada Syarikat Maya Sdn Bhd dan atas dasar apa?
(24/100)
- (d) apakah penentu-penentu kecuaian? Bolehkah penghuni-penghuni yang cedera parah berjaya dalam tuntutan gantirugi mereka?
(28/100)
5. Anda telah dilantik sebagai ketua kumpulan dalam satu projek untuk menghasilkan minyak pelincir daripada kelapa sawit. Anda telah mengikat satu kontrak dengan rakan dalam kumpulan anda untuk tidak mendedahkan hasil projek kepada pihak ketiga. Projek anda telah menghasilkan beberapa penemuan yang bakal mengeluarkan minyak pelincir daripada kelapa sawit. Penemuan-penemuan ini akan dapat mengurangkan kos penyelenggaraan kenderaan dan dijangkakan dapat menjana keuntungan yang besar. Seorang daripada kumpulan anda telah membocorkan beberapa penemuan ini kepada pihak ketiga dan anda tahu siapa dia. Seorang lagi daripada kumpulan anda telah menyalahgunakan penemuan-penemuan tersebut dengan mengeksperimen penemuan-penemuan tertentu keatas manusia. Akibat daripada perbuatan ini beberapa orang telah mengidap sejenis penyakit yang boleh membawa maut. Mereka ini terpaksa dimasuk ke hospital untuk beberapa bulan.

Berpandukan kepada perkara diatas, bincangkan dan jelaskan yang berikut:

- (a) elemen-elemen tort dan sama ada orang-orang yang mengidap penyakit boleh menuntut gantirugi
(50/100)

- (b) jika satu mungkir perjanjian telah berlaku apakah remedi yang ada dalam undang-undang kontrak untuk anda

(50/100)

- 000 O 000 -